

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 17, 2019 9:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Perlukan Strategi 3P Untuk Naikkan Penarafan MyRA



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

17 MAC 2019 / 10 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Disediakan oleh: Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Gambar: Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

UUM PERLUKAN STRATEGI 3P UNTUK NAIKKAN PENARAFAN MyRA



UUM ONLINE: Bengkel bertajuk "What is MyRA: Glossary and Strategy" dan Perkongsian Ilmu bertajuk "Towards Becoming Centre of Excellence: Prospects and Challenges" telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Mohd. Shahir Shamsir Omar baru-baru ini.

Bertempat di Auditorium 2, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, dua sesi program anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) ini bertujuan bagi memberi kefahaman lebih mendalam mengenai dua instrumen penting daripada Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Malaysia Research Assessment (MyRA) dan instrumen Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) kepada warga Universiti Utara Malaysia (UUM).

Prof. Dr. Mohd. Shahir Shamsir yang merupakan ahli Taskforce MYRA dan juga ahli Taskforce HICoE kerap dijemput oleh institusi pengajian tinggi dalam memberi khidmat nasihat dan

berkongsi ilmu untuk membantu meningkatkan amalan pengurusan penyelidikan dan merancang strategi dan hala tuju Universiti.

Katanya, meskipun berdepan dengan pelbagai limitasi seperti kekurangan peruntukan dan faktor geografi, strategi pembudayaan dan ekosistem yang betul perlu untuk menyokong ke arah kecemerlangan MyRA di UUM.

Dalam sesi tersebut, Prof. Dr. Mohd. Shahir turut menerangkan glosari MyRA dan juga berkongsi strategi ke arah mencapai kecemerlangan MyRA.

“Teamworking Concept perlulah melibatkan gabungan komitmen daripada tiga elemen utama iaitu individu, komuniti dan institusi.

“Untuk merealisasikan matlamat tersebut, UUM memerlukan komitmen daripada semua. Segala penajaan pendapatan, sumbangan dan penajaan yang diterima oleh staf dan PTJ perlu dilaporkan kepada Universiti.

“University of Harvard mempunyai ekosistem keusahawanan yang baik di mana setiap hari ada pendaftaran pelajar untuk membuka start-up company. Pelajar-pelajar ini mendapat latihan dan sokongan daripada Universiti.

“Ada juga universiti yang memberikan cuti keusahawanan untuk tempoh dua tahun dan bantuan seed-money diberikan kepada pensyarah yang berpotensi bagi menyokong aktiviti keusahawanan mereka.

Menurutnya, syarikat-syarikat yang berjaya ini akan menyumbang balik kepada pendapatan universiti.

“Tadbir urus yang baik adalah penting dalam membantu menaikkan penarafan MyRA di Universiti melalui pelaksanaan 3P iaitu Polisi, Proses dan Program.

Di sesi petang pula, beliau turut menerangkan glosari instrumen HICoE dan berkongsi pengalamannya tentang amalan terbaik dalam menyokong aktiviti di Pusat Kecemerlangan.

“Setiap CoE perlu mengambil dinamik industri,” tambahnya lagi.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Tugas-tugas Khas) RIMC, Dr. Mohd. Faizal Omar menyarankan agar semua Pusat Pengajian, Pengarah CoE dan pembekal data dapat memberikan komitmen sepenuhnya untuk meningkatkan prestasi universiti dalam Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA).

“Bagi penilaian MYRA 2016, UUM telah berjaya memperoleh empat bintang. Untuk penilaian 2018, kita mensasarkan peningkatan yang lebih baik lagi.

Dalam pada itu, beliau turut mengharapkan agar pada tahun ini Pengarah CoE dapat merancang strategi dan hala tuju CoE berdasarkan kepakaran dan kelebihan yang sedia ada.

Pada bengkel tersebut, seramai 50 peserta mengambil bahagian terdiri daripada pembekal data, Pengarah CoE dan Ketua Unit Penyelidikan.

Turut hadir, Timbalan Pengarah (Penyelidikan) RIMC, Prof. Madya Dr. Rozita Arshad, Pengarah Institut Pengurusan Kualiti, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar dan Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan, Prof. Dr. Razamin Ramli.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.